

EDARAN LCA BIL.1/2022

PENAMBAHBAIKAN KE ATAS ARAHAN PEMBAYARAN PENDAPATAN BERCUKAI (JENIS DOKUMEN K6)

Assalamualaikum wbt & Salam Sejahtera.

Tuan/Puan,

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM) di bawah Modul Bayaran (Modul AP) telah membuat penambahbaikan ke atas Arahan Pembayaran Pendapatan Bercukai (Jenis Dokumen K6) untuk membenarkan Kumpulan Penerima Bayaran selain EMP dan OTV. Penambahbaikan merangkumi penambahan tiga (3) Kumpulan Penerima Bayaran iaitu SUPP (6000000000 - 9999999999), NOTE (4000000000 - 4999999999) dan PANS (1400000000 - 1499999999).

3. Sehubungan dengan itu, hebahan ini adalah berkenaan kesediaan program di modul bayaran bagi lima (5) Kumpulan Penerima Bayaran yang boleh digunakan di PTJ bagi Arahan Pembayaran Pendapatan Bercukai (Jenis Dokumen K6) dan PTJ dibenarkan untuk menggunakan tambahan tiga (3) jenis Kumpulan Penerima Bayaran ini berkuat kuasa serta merta. Bersama-sama ini dikemukakan infografik daripada BPTM untuk makluman tuan/puan seperti berikut:

| ARAHAN PEMBAYARAN PENDAPATAN BERCUKAI - JENIS DOKUMEN K6 | | | | |
|---|---|--|----------------|--|
| Penambahbaikan ke atas Arahan Pembayaran Pendapatan Bercukai (Jenis Dokumen K6) telah dilakukan. Kumpulan Penerima Bayaran bagi Arahan Pembayaran ini telah ditambah kepada tiga (3) jenis kumpulan iaitu SUPP (6000000000 - 9999999999), NOTE (4000000000 - 4999999999) dan PANS (1400000000 - 1499999999). PTJ dibenarkan untuk menggunakan 3 jenis Kumpulan Penerima Bayaran ini berkuatkuasa serta-merta. | | | | |
| Jadual dibawah menunjukkan Kumpulan Penerima yang boleh diguna pakai selepas penambahbaikan :- | | | | |
| Bil | Kumpulan Penerima Bayaran 1GFMAS | Modul Pengurusan Arahan Pembayaran - Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Kerajaan - Jenis Dokumen K6 (Arahan Pembayaran Pendapatan Bercukai) | | Paparannya di Penyata Pendapatan (EC Form) |
| | | Sedia Ada | Penambahbaikan | |
| 1. | OTV (One Time Vendor) 10001 | √ | √ | x |
| 2. | OTV (One Time Vendor) 10009 | √ | √ | x |
| 3. | PANS (Penerima Bayaran Bukan Pembekal) 1400000000 – 1499999999 | | √ | x |
| 4. | NOTE (No Anggota Tentera) 4000000000 – 4999999999 | | √ | x |
| 5. | EMP (Penjawat Awam) 5000000000 – 5999999999 | √ | √ | √ |
| 6. | SUPP (Pembekal) 6000000000 – 9999999999 | | √ | x |

Nota :- Amaun pendapatan bercukai yang dibayar melalui Arahan Pembayaran (Jenis Dokumen K6) bagi Kumpulan Penerima Bayaran selain EMP (kod 50 siri) tidak ditunjukkan pada Penyata Pendapatan (EC Form). Sekiranya pegawai yang menerima bayaran tersebut adalah penjawat awam, pegawai adalah bertanggungjawab untuk membuat pengisytiharan (declaration) semasa pengisian Borang Nyata Cukai Pendapatan (e-filing).

4. Kerjasama dan perhatian yang diberikan amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

JANM Pulau Pinang